




**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Wisma Kewangan**  
**88593 Kota Kinabalu**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-251513/251514/251516**  
**Faks: 088-237605**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my**

Tel. : 088-252692  
Bil. : KEW.100-10/5/3/(18)  
Tarikh : 7 Disember 2015



Pengarah,  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,  
Beg Berkunci 2057,  
88999 KOTA KINABALU.

Tuan,

**CADANGAN CAJ PENEMPATAN SERVER MILIK GLC, KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU PIHAK KETIGA DI PUSAT DATA KERAJAAN NEGERI SABAH (PDKN)**

Dengan hormatnya, surat tuan bil. JPKN:600-2 Jld.4(4) bertarikh 02 Julai 2015 dan email yang mengandungi maklumat tambahan jenis caj perkhidmatan dan jadual caj bertarikh 23 November 2015 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan mengambil kira bahawa **Caj Penempatan Server** tersebut akan mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri Sabah, maka kelulusan adalah diberikan kepada pihak tuan untuk mengenakan **Caj Penempatan Server** Milik GLC, Kerajaan Persekutuan atau pihak ketiga di Pusat Data Kerajaan Negeri Sabah. Caj yang dipersetujui adalah seperti yang telah pihak tuan cadangkan seperti berikut:-

Jenis Caj Perkhidmatan	Jumlah Caj	Ulasan
Basic Physical Server Hosting	1 unit Server – RM1000/bulan	Penyelenggaran dan sokongan terhadap server yang bukan milik Kerajaan Negeri Sabah adalah dibawah tanggungjawab syarikat berkenaan
Basic Virtual Server Hosting	1 unit virtual – RM 900/bulan	
Basic shared web hosting - Server disediakan oleh KNS	RM 500/bulan	

3. Memandangkan kutipan hasil adalah diperingkat permulaan, hasil yang diperolehi kelak boleh dimasukkan ke dalam Kod Hasil **77199 - Pelbagai hasil lain**. Jabatan tuan haruslah memantau kutipan hasil tersebut dan memohon kod hasil berasingan apabila didapati sesuai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**

( **DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR** )  
Setiausaha Tetap

s.k. Bendahari Negeri,  
Jabatan Bendahari Negeri,  
88595 KOTA KINABALU

